

Pertembungan imej dua generasi menghimpit ahli Pas

Analisis

SUDAH terang lagi bersuluh, namun hakikat itu enggan diakui kepemimpinan Pas dalam memperkatakan pertembungan golongan ulama dan profesional dalam menentukan hala tuju parti terbabit.

Dalam keadaan getir meraih sokongan pengundi untuk mempertahankan Kelantan dan menggapai impian menawan Terengganu dan Kedah, Pas bakal berdepan krisis imej menjelang pilihan raya umum akan datang.

Golongan pemimpin berlatar belakang profesional dalam parti mahu Pas melaksanakan pembaharuan bagi menarik sokongan pengundi terutama generasi muda dan bukannya Islam.

Namun, pada masa sama generasi tua parti itu yang mungkin dianggap hampir pupus oleh sesetengah pihak, dilihat mahu imej kuat agama yang menjadi asas penubuhan parti itu dikekalkan.

Pertembungan itu mendorong perwakilan menyarankan Pas kini menaja parti baru bagi membolehkan golongan pembaharuan meraih sokongan pengundi di Pantai Barat, manakala Pas berimej asal kekal di Pantai Timur dan Utara.

Perwakilan Pas Kedah, Fakhrurozi Mohd Zawawi, menyifatkan pembaharuan menerusi 'repackaging' dan 'rebranding' yang dilakukan menyebabkan ahli akar umbi keliru terhadap imejnya.

"Pembaharuan yang dibuat terhadap kepemimpinan ulama selama ini termasuk penampilan ulama berkopi dan tidak pada masa tertentu, membuatkan ahli keliru.

"Sejak proses pembaharuan ini,

jentera Pas tidak bermaya dan hilang semangat berjuang.

Pas kian hilang identiti Islam yang menjadi asas selama 50 tahunjuangannya.

"Ahli hilang keyakinan apabila pembaharuan dibuat, walaupun menarik, tetapi kita tidak boleh meniru pendekatan parti lain. Imej sebenar Pas tidak boleh disembunyikan walaupun sukar mencapai kemenangan," katanya.

Beliau berkata, kepemimpinan Pas kini perlu cari alternatif bagi menjayakan matlamat mereka kerana pemikiran pembaharuan memang baik, tetapi tidak dapat dilaksanakan dalam parti itu.

"Saya mencadangkan pembentukan parti politik lain yang ditaja Pas, untuk membawa pembaharuan yang hendak dibawa dalam parti, supaya boleh diterima masyarakat di Pantai Barat," katanya ketika berbahas pada Muktamar Tahunan Pas ke-53,

di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan, Pengkalan Chepa.

Ketika golongan pembaharuan menjadi sasaran kecaman kerana mengubah imej Pas, golongan ulama dianggap hidup dalam kepompong sendiri sehingga tidak menguntungkan parti.

Malah, ulama Pas dianggap banyak ketinggalan apabila sering membisu dalam mendepani pelbagai isu masyarakat termasuk yang menghimpit ahli parti sendiri.

Pengerusi Tetap Dewan Pemuda Pas, Misbahul Munir Masduki, mahu sayap utama Pas itu bersikap lebih proaktif dalam menghurai pelbagai isu berbangkit tanpa terhad kepada kuliah dan ceramah di markas mereka semata-mata.

Katanya, ketika pucuk pimpinan parti mampu menghasilkan koleksi buku hampir setiap tahun yang mencakupi pelbagai isu, dewan ulama gagal berbuat demikian hatta jurnal

untuk menjawab itu.

Sikap ulama Pas itu menyebabkan lidah rasmi parti, *Harakah*, lebih banyak menjadi tumpuan orang luar melontar idea kepada ahli parti sendiri.

Dalam pada perwakilan mengharap perubahan Dewan Ulama, kenyataan ketuanya yang baru dipilih, Datuk Mohamed Daud, menggambarkan kemungkinan tiada perubahan ketara pada dewan itu kelak.

Beliau berkata, asas kepemimpinannya mungkin tidak jauh berbeza daripada pemimpin terdahulu.

Keadaan semasa pula menyaksikan pemimpin muda Pas kelihatan berusaha menonjol diri melebihi parti.

Media termasuk laman web yang diusahakan bukan untuk menonjolkan perjuangan parti, sebaliknya tidak lebih sekadar menonjolkan personaliti diri sendiri.

Ketika meraikan petugas media yang membuat liputan muktamar,

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata Pas memerlukan masa 20 tahun untuk mengatasi perbezaan yang timbul antara dua latar belakang itu.

Beliau yang menyalahkan sistem pendidikan negara yang memisahkan sekolah agama dan kebangsaan, menyatakan Kerajaan Pas Kelantan kini memulakan usaha memperkenalkan sistem pendidikan agama bersulamkan sains dan teknologi.

Katanya, hasil yang lahir daripada sistem itu kelak mampu merubah landskap politik Pas pada masa depan apabila golongan profesional turut mempunyai latar belakang agama.

Keputusan pemilihan jawatan Timbalan dan Naib Presiden hari ini bakal menjadi petunjuk, sama ada parti itu akan meneruskan pembaharuan atau kembali imej lama yang masih dirindui sesetengah ahli.

BH-3/6/2007